

Syor beri ganjaran penjawat awam dedah salah laku

Langkah awal tangani jenayah rasuah demi kesejahteraan negara

Kuala Lumpur: Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor, mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbang pemberian ganjaran berupa wang tunai kepada penjawat awam yang mendedahkan salah laku.

Beliau menjelaskan, apa yang dicadangkan itu bukan bermak-



sud 'kawan makan kawan' sebaliknya perlu dilakukan sebagai langkah awal tangani jenayah seperti rasuah demi kesejahteraan negara.

"Apakah mungkin kita beri *reward* (ganjaran) kepada kakitangan awam yang memecahkan cerita yang berlaku di dalam.

"Tiada apa akan berlaku melainkan rakan-rakan sekeliling

mereka yang melakukan. Kita beri *reward* RM1,000 atau RM2,000. Saya rasa boleh diper-timbangkan," katanya.

Tiada reaksi segera

Ramli yang juga Ahli Parlimen Cameron Highland, mencadangkan perkara itu selepas giliran Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, selesai menjawab soalan pertama ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat pagi semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut berada dalam Dewan Rakyat ketika Ramli mengemukakan syor berkenaan.

Bagaimanapun, tiada reaksi segera daripada Anwar dan Saifuddin Nasution berhubung cadangan itu.